



JABATAN PELAJARAN MELAKA  
 JALAN ISTANA  
 PETI SURAT 62  
 75902 MELAKA

Tel : 06-2312536/37 Smb. 403 / 405 / 406 / 407  
 Tel : 06 2327544 (Unit Bahasa)  
 Fax : 06-2328428 (Unit Bahasa)

Rujukan Kami : JPM.SPA.BAH.700-5/11 (70)  
 Tarikh : 12 SEPTEMBER 2011

Guru Besar,  
 Sekolah Kebangsaan/Sekolah Jenis kebangsaan/SABK,  
 Daerah Jasin,  
 Melaka.

Tuan,

**KURSUS PENYEBARAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) GURU  
 BAHASA MELAYU TAHUN DUA SK/SJK/SABK DAERAH JASIN, MELAKA TAHUN 2011**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Bahasa, Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pelajaran Melaka akan menganjurkan kursus di atas yang akan diadakan pada ketetapan seperti yang berikut :

Tarikh : 10 hingga 14 Oktober 2011  
 Masa : 08:00 pagi – 05:00 petang  
 Tempat : Dewan Seminar Pejabat Pelajaran Jasin,  
 77000 Jasin.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan dipohon agar dapat mengarahkan seorang Guru Bahasa Melayu Tahun 2 atau guru yang akan mengajar Bahasa Melayu Tahun 2 pada tahun 2012 untuk mengikuti kursus tersebut. Guru yang dicalonkan wajib hadir ke tempat kursus seperti yang dinyatakan di atas dan dikehendaki membawa bahan seperti yang dinyatakan di dalam Lampiran 1.

4. Sebarang pertanyaan berkaitan kursus ini, sila hubungi Tuan Hj Harun bin Mahbut, Penyelia Kanan Bahasa Melayu, JPM di talian 06 2328012 atau telefon bimbit 012-6637019.

Kerjasama dan komitmen tuan bagi menjayakan kursus ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU"  
 "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(HAJI DAUD BIN ABDULL)  
 Ketua Sektor Pengurusan Akademik,  
 b.p. Pengarah Pelajaran Melaka.

s.k 1. Pegawai PPD JASIN

**lampiran 1**

**Senarai yang perlu di bawa peserta Kursus KSSR**

- 1. Alatulis
- 2. Komputer Riba
- 3. 'Thumb Drive'
- 4. Dokumen Standard
- 5. Buku Panduan Guru

} yang telah dicetak di peringkat sekolah